



MASIDI (tengah) memotong riben sebagai simbolik perasmian Pelancaran Evic kelmarin. Turut kelihatan Harun (tiga kiri).

UMS berpotensi tinggi dalam pelancongan

UB 4.8.2016 A2

Oleh SITI AISYAH
NARUDIN

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memiliki potensi tinggi dalam memperkembangkan industri pelancongan.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Seri Panglima Masidi Manjun berkata aktiviti melihat burung antara tarikan yang boleh diperkembangkan di UMS.

Menurutnya melihat burung mempunyai nilai yang tinggi secara global iaitu sekitar USD4 bilion dalam setahun dengan penglibatan ribuan ahli persatuan melihat burung sedunia.

Pihaknya turut mencadangkan agar UMS menjalin kerjasama dengan syarikat untuk membina sebuah hotel di dalam

kampus.

"Hotel ini boleh dijadikan pusat penginapan dan juga tempat latihan sebagai kemudahan pelawat yang datang untuk melihat burung.

"Selain itu, UMS mempunyai kelebihan keadaan fizikal yang dipenuhi hutan rimba cantik dan belum rosak walaupun berada di kawasan bandaraya.

"Saya turut difahamkan peratusan kawasan yang diteroka dan dibangunkan masih sedikit berbanding tanah yang dibiarkan secara semulajadi di UMS," jelasnya.

Beliau berkata demikian pada majlis Pelancaran Pusat Informasi Pelancong UMS-Eko Kampus (Evic), di sini kelmarin.

Masidi berkata usaha menubuhkan Evic dilihat boleh membantu UMS dalam

mempromosikan produk pelancongan kampus.

"Kerajaan menyambut baik usaha pengurusan UMS ini kerana ramai dalam kalangan pelancong yang begitu tertarik dengan kecantikan binaan kampus UMS.

"Justeru, saya yakin cadangan dan kreativiti yang dibuat ini akan mendapat respon positif daripada pelancong.

"Kementerian juga akan membantu UMS dalam memasarkan kampus mereka sebagai destinasi pelancongan," jelasnya.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata cadangan berkenaan satu idea yang bagus dan baharu.

Menurutnya ia akan membuka banyak peluang untuk aktiviti seperti fotografi dan pelancongan dijalankan.